

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT

- *1. Tuan James Stephen Tibok minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa tangga-gaji dan kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh angkatan tentera adalah lebih baik daripada apa yang dinikmati oleh Pasukan Polis Hutan, padahal mereka menjalankan tugas yang sama, jika ya, samada beliau akan mengambil tindakan untuk membetulkan keadaan yang ganjil ini.
- *2. Tuan Chan Fu King minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:
- (i) samada beliau sedar bahawa Kampung Baru Niyor di Klang, Johor, tidak mempunyai sebuah Balai Polis ataupun Pondok Polis untuk menjamin keselamatan jiwa dan harta-benda penduduk-penduduk di situ; dan
 - (ii) samada Kementerian beliau ada apa-apa rancangan untuk membina sebuah Balai Polis ataupun Pondok Polis, jika ya, bilakah ia akan dibina; dan jika tidak, mengapa.
- *3. Tuan James Stephen Tibok minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan keputusan berkenaan penubuhan satu briged bagi Pasukan Polis Hutan Sabah yang telah dikemukakan dahulu dan samada beliau akan menimbangakan perkara ini dengan baik.
- *4. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menghapuskan cukai jualan 5% sebagai satu langkah positif untuk mengawal kenaikan harga ke atas sebilangan besar barang-barang di negara ini.
- *5. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:
- (i) samada beliau sedar tentang adanya ribuan pengemis-pengemis di kaki-kaki lima di seluruh negara khususnya di Kuala Lumpur;
 - (ii) samada memandang kepada perkara di atas, Kerajaan akan memulakan satu kempen untuk membasmi "pengemis-pengemis" di seluruh negara; dan
 - (iii) samada Kerajaan akan membina lebih banyak lagi pusat-pusat pemulihan untuk pengemis-pengemis.

- *6. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada Kementerianya mempunyai rancangan untuk menggunakan tanah lombong yang tidak dipakai lagi serta terbiar dengan begitu sahaja:
- (a) bagi menanam pokok buah-buahan tempatan secara perdagangan dengan tujuan mengeksport buah-buahan ini;
 - (b) bagi berternak ayam, lembu dan itek; dan
 - (c) oleh petani-petani memelihara ikan air tawar yang menjadi punca zat protein tambahan yang diperlukan oleh penduduk-penduduk negeri ini dan disamping itu membantu petani-petani menambahkan pendapatan mereka.
- *7. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengelak kejadian banjir yang seringkali berlaku di Bandaraya Kuala Lumpur.
- *8. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan:
- (i) samada beliau sedar bahawa Majlis Ugama Islam, Pulau Pinang, yang menjadi pemilik berdaftar Pegangan No. 48 T.S. 6 Daerah Timur Laut iaitu tanah wakaf, yang direzabkan sebagai tanah perkebumian bagi orang-orang Islam, telah bertujuan untuk memajakkan sebahagian tanah wakaf itu untuk selama 99 tahun kepada Syarikat Kerjasama Perumahan Orang-orang Melayu Pulau Pinang untuk tujuan-tujuan membina bangunan, dan jika ya, samada tindakan Majlis Ugama Islam Pulau Pinang itu sah;
 - (ii) samada beliau sedar bahawa kerja-kerja membersihkan bahagian tanah yang dipajakkan itu telah bermula pada 31.5.1973; dan
 - (iii) samada beliau sedar iaitu hampir-hampir 100 buah Kubur telah terlibat oleh kerja-kerja pembersihan itu dan batu-batu nisan pecah dan tercampak di merata-rata tempat dan saudara-mara simati yang telah dikebumikan itu telah tidak diberitahu mengenai kerja-kerja pembersihan itu, dan jika ya, apakah tindakan yang beliau bercadang hendak ambil.
- *9. Datuk James Wong Kim Min minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah dasar Kerajaan mengenai anggota Pasukan-pasukan Keselamatan yang telah didapati melakukan kesalahan-kesalahan jenayah terhadap orang-orang awam. Adakah orang-orang ini dibicarakan oleh mahkamah tentera atau mahkamah awam.

- *10. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan sedar tentang bertambah banyak Institut Teknologi Persendirian ditubuhkan di negeri ini, dan jika ya, berapa banyak dan di mana. Bagaimanakah perimbangan pelajar antara bumiputra dan bukan bumiputra di institusi-institusi itu.
- *11. Dr. A. Soerian minta Menteri Perhubungan menyatakan bilangan kejadian keretapi terkeluar dari landasan yang berlaku dalam masa enam bulan yang lepas tahun ini dan berikan sebab-sebabnya.
- *12. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa ekar kelapa sawit telah ditanam hingga kini di Sarawak; berapa banyakkah dijangka akan ditanam sehingga akhir Rancangan Malaysia Yang Kedua, dan di kawasan-kawasan baru di manakah akan ditanam.
- *13. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan sedar tentang keadaan setengah-setengah anak-anak sekolah, khususnya yang di luar negeri tidak mengindahkan fikiran ibubapa mereka tetapi lebih suka mengukuti kata-kata guru mereka semata-mata. Tidakkah Kerajaan kluatir akan lahir anak-anak yang berkelakuan tidak menurut perintah. Apakah langkah pemulihan dari segi jasmani dan ruhani bagi masa depan jenerasi anak-anak muda itu.
- *14. Dr. Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pertahanan:
(a) samada beliau akan membenarkan bekas askar yang berumur lebih sedikit daripada 33 tahun untuk berkhidmat semula dalam pasukan tentera; dan
(b) samada beliau sedar bahawa ramai bekas askar dalam kategori ini suka hendak berkhidmat semula tetapi tidak dibenarkan oleh Kementerian dan jika sedar, adakah beliau akan menyiasat hal ini supaya rakyat yang taat setia ini dapat berkhidmat dalam pasukan tentera.
- *15. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau sedar kekurangan barang-barang ganti untuk membaiki Kereta-kereta Kebal di Beagkel Tengah di Batu, yang mana telah mengakibatkan pekerja-pekerjanya tertunggu-tunggu hingga berbulan-bulan tanpa membuat kerja. Bolehkah beliau menerangkan sebab-sebab kekurangan barang-barang ganti tersebut dan berapa lamakah lagi akan memakan masa untuk mendapatkannya.

- *16. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Perhubungan menyatakan:
- (i) samada beliau sedar bahawa sebilangan pemegang-pemegang lesen teksi mempunyai lebih daripada satu (1) lesen teksi;
 - (ii) samada beliau sedar bahawa sebilangan orang-orang yang dipilikhajah telah diberikan lesen-lesen teksi walaupun mereka sudahpun mempunyai pendapatan yang tetap dari satu saluran yang lain; dan
 - (iii) samada beliau akan membuat sesuatu supaya lesen-lesen teksi ditarik balik daripada pemegang-pemegang lesen yang sudahpun mempunyai pendapatan yang tetap dari satu saluran yang lain, jika ya, bila dan jika tidak mengapa.
- *17. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada FELDA akan menetapkan satu kota bagi penduduk-penduduk kampung baru yang tidak bertanah dan pekerja-pekerja ladang yang dibuang kerja, untuk menyertai rancangan-rancangan tanah supaya selaras dengan dasar Kerajaan untuk menyusun semula masyarakat; dan jika tidak, mengapa.
- *18. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada beliau sedar bahawa kebanyakan kediaman-kediaman orang-orang tua (Welfare Home) yang ada di negara ini adalah dalam keadaan buruk dan mempunyai kakitangan-kakitangan yang tidak mencukupi, dan jika sedar, nyatakan apakah rancangan-rancangan jangka-panjang Kementerian beliau mempunyai untuk memperbaiki kediaman-kediaman ini.
- *19. Tuan V. Veerappen bertanya kepada Menteri Pertanian dan Perikanan adakah beliau sedar bahawa Kawasan Trans Krian dan sebahagian daripada Kawasan Batu Kawan di Seberang Perai Selatan adalah dalam bahaya banjir dari air laut dan sungai oleh kerana pekebun-pekebun kecil tidak boleh menjaga benteng yang dahulunya telah dijaga masing-masing oleh bekas tuan-tuan punya Ladang-ladang Trans Krian dan Hong Seng dan samada beliau akan mengambil langkah-langkah untuk menubuhkan lembaga-lembaga Parit dan Taliair di kawasan-kawasan ini untuk menjaga benteng, parit dan pintu air seperti di Kawasan-kawasan Parit dan Taliair Nibong Tebal dan Bukit Tambun.
- *20. Tuan R. C. M. Rayan minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:
- (i) samada beliau akan menimbangkan untuk membina lembaga-lembaga seperti Pusat Latihan Belia-belia Dusun Tua di tiap-tiap Negeri supaya membolehkan belia-belia yang menganggur belajar ilmu perniagaan supaya menjadi warga-negara yang berguna.

- (ii) samada Kerajaan akan menimbangkan untuk memberi latihan nasional kepada semua belia-belia yang menganggur untuk menanam semangat bertatertib dan menjadikan mereka sebagai rakyat yang berguna dan taat setia; dan
- (iii) samada Kerajaan akan menimbangkan mengambil langkah untuk menggalakkan penubuhan satu Kebudayaan Malaysia yang tulin daripada kebudayaan tiga kaum yang besar iaitu Melayu, Cina dan India supaya mengujudkan satu kebudayaan yang kaya raya dan mencerminkan keperibadian ketiga-tiga kaum yang besar di Negara ini.

- *21. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Kebajikan Am menyatakan adakah apa-apa rancangan hendak memberi bantuan-bantuan dan pertolongan,
- (a) kepada keluarga (isteri dan 10 orang anak) Allahyarham mata-mata Ishak bin Sutan yang telah dibunuh oleh seorang yang mengemukakan di Kampung Padang Penyangga, Junjong, Kulim; dan
 - (b) kepada keluarga (isteri dan 11 orang anak) mendiang Ng Tien Tsu dan mendiang See Poh Choo yang meninggal dunia di Sungei Pinji, Perak.
- *22. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa banyak Sekolah Menengah Vokesyenal tidak dapat melahirkan keputusan peperiksaan yang baik, dan jika ya, apakah langkah yang diambil bagi membaikinya.
- *23. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan, memandang kepada mustahaknya imbangan pelajaran rohani dan jasmani samada Kementerian bercadang mewajibkan Pelajaran Ugama di semua peringkat persekolahan di masa yang akan datang.
- *24. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menimbang dengan baik syur yang dibuat oleh Prof. Ungku Aziz bahawa pemberian pinjaman kepada penuntut-penuntut universiti adalah lebih praktikal daripada amalan sekarang dengan memberi biasiswa kepada mereka.
- *25. Dr. A. Soorian minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan bilakah Pelan Induk bagi penubuhan kampung-kampung baru akan siap.

- *26. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Mentefi Tugas-tugas Khas menyatakan bilangan kes-kes perceraian di kalangan peserta-peserta FELDA semenjak penubuhannya dan nyatakan samada sebab-sebab utama yang membawa kepada perceraian berpokok-pangkal dari karangnya iman dalam ugama, atau ekonomi yang lemah atau pengurusan yang lemah di pihak FELDA.
- *27. Tuan Chen Fu King minta Menteri Perhubungan menyatakan:
- (i) jumlah bilangan lesen-lesen teksi yang telah dikeluarkan sejak Mei, 1969; dan
 - (ii) pecahan mengikut kaum pemegang-pemegang lesen ini.
- *28. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perhubungan menyatakan sejauh manakah Keretapi Tanah Melayu telah membaiki perkhidmatannya mengenai:
- (a) ketepatan masa bertolak dan masa tiba keretapi dari dan pada satu-satu stesyen;
 - (b) kekurangan tempat duduk, terutama bagi penumpang-penumpang kelas III; dan
 - (c) kebersihan tempat duduk, lantai, tandas dll.
- *29. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perhubungan menyatakan adakah beliau mempunyai rancangan untuk menambatkan bilangan kakitangan perkeranian dan beruniform di Pejabat-pejabat Pos di Kelantan, memandang kepada faktor bahawa Pejabat-pejabat Pos ini tidak mencukupi kakitangan disebabkan bertambah-tambah banyaknya pelanggan-pelanggan pejabat-pejabat Pos ini.
- *30. Tuan Ng Hoe Hur minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa pegawai-pegawai Kerajaan Thai di Parang Besar, Changloon dan Sungai Golok membuka Jabatan-jabatan Imigresen dan Kastam mereka 24 jam sehari, manakala pegawai-pegawai Malaysia pula membuka pejabat-pejabat mereka di antara pukul 6.00 pagi hingga 6.00 petang; jika ya, nyatakan:
- (a) oleh kerana pegawai-pegawai Thai memungut wang lebih masa daripada rakyat-rakyat Malaysia yang masuk ke Thailand pada waktu-waktu tidak bekerja, samada Kerajaan kita akan membenarkan pegawai-pegawai kita memungut wang lebih masa daripada rakyat Thai mengikut asas yang serupa dan wang lebih masa ini dibahagi-bahagikan antara pegawai-pegawai dan Kerajaan Malaysia; dan

- (b) samada beliau sedar bahawa di Padang Besar, hanya ada 19 orang pegawai Imigeresen untuk bertugas dari pukul 6.00 pagi hingga 6.00 petang. Selepas pukul 6.00 petang tidak ada pegawai bertugas dan orang-orang menyeberangi sempadan sesuka hati; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi keadaan ini.

*31. Dr. S. Seeveratnam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan;

- (i) jumlah polis yang sedang menjalani latihan yang bakal menjadi pegawai dan polis biasa; dan
- (ii) bilangan mereka mengikut kaum.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN

1. Perdana Menteri

+ Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan)

(+ Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan ditimbangkan pada semua peringkat di mesyuarat ini.)

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN PEMBERITAHU-
PEMBERITAHU USUL

1. (DR. 34/73) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara) - Menyambung semula Perbhasan atas Masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (23hb Julai, 1973)

2. Menteri Kewangan akan mencadangkan:

Menurut peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (4) seksyen 4 Ordinan Setem, 1949, Majlis ini mengambil ketetapan bahawa Jadual Pertama kepadanya dipinda dengan memotong semua perenggan-kecil (c) perenggan (1) dalam butiran 58 dan menggantikannya dengan yang berikut:-

"(c) For time policies on hulls of vessels
for whatever period ... \$1.00".

/hm.

3. Perdana Menteri akan mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan seksyen 4 the Parliament (Members' Remuneration) Act, 1960, Dewan ini mengambil ketetapan iaitu pindaan-pindaan yang berikut dibuat kepada Jadual Akta itu -

1. Gantikan Butiran 10 di dalamnya dengan butiran 10 baharu yang berikut:

"10. Subsistence: A member (other than a Minister and Deputy Minister) attending meetings of the House or any Committee thereof shall be paid a subsistence allowance of fifty dollars for every twenty four hours or part thereof provided that no subsistence allowance shall be paid if his residence is less than twenty miles from the General Post Office of the town where the meeting is held.

In all other cases he shall be paid the actual expenditure incurred."

2. Tambah butiran 15 baharu yang berikut di dalamnya -

"15. Accommodation for the President of the Senate and Speaker of the House of Representatives: Furnished quarters shall be provided and maintained free of charge except where the President or the Speaker stays in his own house or that of his spouse in which case the monthly rental payable shall not exceed one thousand five hundred dollars per month based on the valuation made by the Treasury. Notwithstanding Section 2 of this Act, aforesaid provision shall equally apply to a Speaker who is not a member of the House."

4. Datuk James Wong Kim Min akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini melantik sebuah Jawatankuasa Pilihan untuk mengkaji apa langkah-langkah yang telah diambil dan apa kemajuan yang telah dicapai dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk merapatkan jurang-jurang yang ada sekarang di antara pihak yang berada dengan pihak yang tidak berada dan menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia, tidak kira bangsa, dan meninggikan taraf hidup semua rakyat Malaysia tanpa mengira kumpulan-kumpulan sosial dan ekonomik mereka.

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

MALAYSIA

PENGGAL YANG KETIGA

HEMBER-TAHU UCAPAN TANGGAPAN

341.	Tarikh Ucapan akan dibuat	Perkara	Ahli yang akan Berucap	Menteri yang Bertanggung- jawab
I.	24.7.73	Pelan Induk bagi Bandaraya Kuala Lumpur.	Y.B. Tuan Hor Cheok Foon	Y.B. Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan